

Awasi Sungai Melaka

■ **RM3.46b diperuntuk naik taraf sungai, saliran seluruh negara**

Oleh **YUSMAWATI MHD YUSOF**
yusmawati_yusof@mediapri-
ma.com.my
Melaka

Sebanyak RM3.46 bilion diperuntukkan kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) bagi melaksanakan projek menaik taraf sungai dan saliran di seluruh negara.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Datuk Ir Ahmad Husaini Sulaiman berkata, kos terbabit meliputi pelaksanaan projek tebatan banjir, kejuruteraan sungai dan saliran bandar.

Katanya, untuk Melaka saja, pihaknya memperuntukkan RM511.5 juta, termasuk RM285 juta yang diluluskan Kerajaan Persekutuan, antaranya bagi kerja menaik taraf, pembersihan dan pengindahan Sungai Melaka.



AHMAD Husaini

"JPS juga melaksanakan projek tebatan banjir dan saliran bandar di negeri ini, sejajar dengan hasrat kerajaan negeri yang mahu menjadikan Bandaraya Melaka Bersejarah dan Sungai Melaka sebagai destinasi pelancongan termasyhur dunia.

"Sistem saliran yang akan

dinaik taraf kelak perlu direka dan dibina supaya air yang mengalir ke Sungai Melaka tidak akan membebannya dari segi kuantiti dan kualiti air," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Seminar Sungai Antarabangsa, semalam.

Seminar sehari dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Wira Idris Haron itu diadakan sempena Festival Jemputan Sungai Melaka 2013 yang berlangsung di negeri ini selama sebulan bermula 25 Mei lalu. Hadir sama Pengarah JPS negeri, Gapar Asan.

Ahmad Husaini berkata, bagi memastikan kelancaran sistem saliran terbabit, pihaknya akan mempraktikkan kaedah pengawalan seperti di dalam Manual Saliran Mesra Alam JPS.

"Tidak ada gunanya jika sungai dibersihkan tetapi parit dan longkang masih

tercemar kerana pencemaran serta kotoran ini pada akhirnya akan mengalir semula ke sungai sama.

"Justeru, JPS akan terus bekerjasama dengan semua pihak, termasuk Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Jabatan Alam Sekitar dan agensi berkaitan ke arah mencapai wawasan menjadikan Sungai Melaka sebagai sungai hidup," katanya.

Katanya, kejayaan menjadikan Sungai Melaka sebagai penanda aras kepada sungai lain di negara ini turut disumbangkan oleh keprihatinan berterusan penduduk setempat dalam menjaga kebersihan sumber alam itu.

"Keprihatinan itu diharapkan lebih dititikberatkan lagi, khususnya dengan tidak membuang sampah merata-rata serta memastikan parit dan longkang sentiasa bersih," katanya.